

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
19 JANUARI 2021
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	NIOSH MAHU SIASATAN LANJUT PUNCA LETUPAN KILANG DI TANJUNG LANGSAT	2
HARIAN METRO	'AKU MAHU PERGI BAWAH TANAH'	3



SINAR HARIAN

SELASA 19 JANUARI 2021 • SINAR HARIAN

Niosh mahu siasatan lanjut punca letupan kilang di Tanjung Langsat

KUALA LUMPUR - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) berharap siasatan lanjut dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian letupan di sebuah kilang memproses produk kelapa sawit di Tanjung Langsat, Pasir Gudang di Johor, Sabtu lalu.

Niosh dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya memandang berat insiden yang berlaku sehingga mengakibatkan seorang jurukimpal maut dan dua lagi pekerja cedera.

"Niosh menyeru agar pihak majikan khususnya industri yang berisiko tinggi sentiasa mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja.

"Tempat kerja yang melibatkan penggunaan mesin, jentera berat dan bahan mudah terbakar memerlukan pengurusan dan pengawalan yang teliti," menurut kenyataan itu.

Jelas Niosh, pekerjaan yang melibatkan *hot work* seperti kimpalan, pengelasan atau *blasting* yang berhampiran dengan bahan-bahan mudah terbakar serta meletup boleh mengakibatkan bencana yang boleh membawa maut.

Katanya, prosedur kerja selamat, penyediaan dan ting-

kah laku pekerja antara perkara yang perlu dititikberatkan semasa bekerja.

Dalam insiden yang berlaku pada petang Sabtu itu, tiga lelaki warga tempatan iaitu jurukimpal, Wilson Banggau, 45, maut sementara dua lagi Bon-siq Buli, 42, dan Muhamad Sya-fiq Abdul Rahman, 23, cedera.

Terdahulu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor memberitahu, mangsa yang terbunuh sedang membuat kerja-kerja pengimpalan di sebuah tangki yang menyimpan kira-kira 800 tan metrik crude glycerin dan letupan dipercayai akibat tindak balas api kimpalan dan gas di dalam tangki berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai insiden itu, Niosh menyatakan kerja-kerja kimpalan berham-piran crude glycerine adalah sangat berbahaya kerana ia bersifat mudah terbakar jika terdapat kehadiran api.

Merujuk kepada Safety Data Sheet (SDS), pengendalian dan penyimpanan crude glycerine perlu dilakukan di tempat pengudaraan yang baik dan suhu panas dan sejuk yang melampau perlu dielakkan serta perlu dijauhkan daripada sebarang sumber api dan bahan pengoksidaan. - *Bernama*



Dalam letupan di sebuah kilang di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor pada Sabtu, seorang pekerja maut manakala dua lagi cedera.



METRO HARIAN

LETUPAN TANGKI DI KILANG KIMIA

4/ METRO 19/01/2021

'Aku mahu pergi bawah tanah'

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Pasir Gudang

"Aku mahu pergi bawah tanah," demikian kata-kata terakhir Wilson Banggau, 46, jurukimpal yang maut dalam kejadian letupan tangki di sebuah kilang kimia di Jalan Tengar, Tanjung Langsat di sini, Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 2.41 petang, dua rakan sekerjanya, Bonsi Buli, 42, dan Mohd Syafiq Abd Rahman, 23, parah.

Sepupu mendiang, yang juga pekerja kilang, Suzy Michael Liu, 42, berkata, Wilson sempat membuat panggilan video bersama beberapa sepupu lain sebelum memulakan kerja pada hari kejadian.

Katanya, sepatutnya Wilson pulang jam 3 petang, tetapi dia menerima berita menyedihkan daripada rakan sekerja dia maut dalam kejadian letupan tangki ketika sedang bekerja.

"Saya dihubungi Mohd Syafiq sejurus kejadian memberitahu dia cedera manakala Wilson meninggal dunia dalam kejadian itu.

"Hubungan Mohd Syafiq dengan mendiang memang rapat kerana ibu Mohd Syafiq (Suriati Abdullah, 53) bakal berkahwin dengan Wilson bulan ini.

"Wilson memang sudah merancang untuk berkahwin dan mahu pulang ke kampung halaman di Kampung Kluh Kemintin, Sri Aman, Sarawak bagi meminta restu orang tua dan



SUZY (kanan) dan Perak menunjukkan gambar mendiang Wilson yang meninggal dunia dalam letupan di kilang kimia di Pasir Gudang.



Hubungan Mohd Syafiq dengan mendiang memang rapat kerana ibu Mohd Syafiq (Suriati Abdullah, 53) bakal berkahwin dengan Wilson bulan ini"

Suzy Michael Liu

berkahwin," katanya ketika ditemui di Taman Megah Ria di sini, semalam.

Suzy berkata, dia tidak menyangka gurauan mendiang bahawa dia mahu masuk tanah adalah petanda dia mahu pergi selamanya.

Sementara itu, seorang lagi sepupu mendiang, Selomah Balit, 42, berkata, Wilson mempunyai pengalaman lebih 10 tahun sebagai jurukimpal.

Katanya, di sini mendiang tinggal dengan ibu saudaranya, Perak Nilah, 57, dan anak lelaki tunggal daripada tiga beradik.

"Keluarga akan bawa mendiang pulang ke kam-

pung di Sri Aman untuk di-semadikan," katanya.

Dalam kejadian itu, dua jurukimpal terjatuh dari ketinggian kira-kira 15 meter ketika sedang melakukan kerja kimpalan di bahagian bumbung sebuah tangki simpanan *crude glycerin* di kilang memproses produk kelapa sawit situ.

Itu menyebabkan seorang daripada jurukimpal itu maut dan seorang lagi patah kaki serta melecur manakala seorang lagi mangsa yang juga jurukimpal cedera akibat melecur di muka.

